# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 26 | RABU 25HB JUN, 1980. | رابو 11 شعبان 1400 | PERCHUMA




AWANG Selamat Munap ketika beruchap sa-belum merasmi-kan mashuarat tersebut.

## Perpaduan peniaga2 Melayu maseh belum memuaskan

**KERIAM. — Sa-jumlah $8,561,836.00 bantuan kewangan telah di-luluskan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi di-bawah Skim Kewangan Perniagaan Kechil dan Sederhana kapada lebeh daripada 100 peniaga2 Melayu dari semua daerah di-negeri ini.**

Bantuan kewangan tersebut tidak mengira sama ada mereka yang tinggal di-kampong atau di-bandar2 bagi membolehkan mereka ber-usaha di-bidang2 yang tertentu dalam bidang perniagaan.

Demikian telah di-tegas-kan oleh Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Selamat bin Munap ketika beruchap merasmi-kan Mashuarat Agong Kedai Sharikat Kerjasama Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Keriam di-sini pada hari Jumaat lepas.

Walau bagaimana pun, kata-nya, hakikat memberikan bantuan itu memang-lah terhad, maka itu terserah-lah kapada peniaga2 dan bakal peniaga2 Melayu di-negeri ini untok melipat-gandakan faedah2 dan hasil2-nya dari bantuan2 yang ada itu.

Untok melipat-gandakan faedah2 dan hasil2 daripada bantuan itu, Awang Selamat menyarankan kapada peniaga2 Melayu di-negeri ini supaya menggalakan dan menanamkan semangat serta sikap bersatu padu dan tolong-menolong sa-sama mereka.

"Pada pendapat saya maseh ada lagi bidang2 perniagaan yang tertentu di-negeri ini belum lagi chukop di-masoki oleh orang2 Melayu. Kejayaan orang2 Melayu di-bidang ini antara lain-nya bergantong kapada sama ada mereka dapat bersatu padu, tolong menolong sa-sama sendiri dan berhenti dari 'menyengak' leher masing2 dalam bidang perniagaan", jelas beliau lagi.

Beliau juga yakin bahawa perengkat dan mutu

Lihat muka 16

### Manis-nya Iman

**PADA suatu hari sa-orang lelaki mengadap Rasulullah s.a.w. menanyakan: "Ada-kah maseh ada lagi kebajikan dapat saya lakukan bagi kedua ibu bapa saya yang telah meninggal ?" Baginda menjawab: "Ya ada! ia-itu do'akan-lah mereka; pohonkan-lah keampunan untok mereka; laksanakan-lah janji mereka; hormatkan-lah sahabat2 mereka; dan hubongkan-lah silatur rahim yang hanya terhubong di-sebabkan mereka." —HADITH Nabi riwayat Muslim.**

## Selaraskan bentok kehidupan kita dgn kehendak hidup orang2 Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam usaha untok memperkembangkan bentok kebudayaan di-negeri kita ini pokok yang mustahak di-ambil perhatian ia-lah langkah2 ka-arah penyusunan-nya perlu-lah di-selaraskan dengan kehendak2 dan chara hidup orang2 Brunei yang berasaskan ajaran2 Islam.

Chiri2 kebudayaan Asli Brunei saperti Tarian Asli sedikit sa-banyak akan dapat mencherminkan suatu gambaran betapa kebudayaan kita mengandongi nilai2 seni yang wajar dan dapat kita banggakan pada masa ini.

Demikian telah di-tekankan oleh Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi ketika beruchap merasmikan Peraduan Tarian Asli Brunei kali yang ke-enam bagi Sekolah2 Rendah Melayu dan Persediaan Inggeris yang di-adakan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada malam Ahad yang lepas.

Awang Haji Ahmad berkata menchintai serta menghayati nilai2 kebudayaan dengan sunggoh2 akan dapat menerangi penchemaran kebudayaan yang kurang sehat terutama kapada anak2 muda-mudi kita yang sentiasa di-resapi dan di-rachuni oleh kebudayaan2 yang berchanggah dengan chara hidup orang kita dewasa ini.

Pertembongan gejala2 penchemaran sa-umpama ini-lah, kata-nya lagi, yang sering melanda dan menimbulkan kegelisahan dan kekerasan perasaan kita yang pada asas-nya sentiasa chinta kapada kemurnian kebudayaan ibunda-nya.

"Oleh yang demikian jika kita orang2 Brunei sendiri tidak waspada dan tidak mampu menghadapi hakikat ini — tidak sanggup berhadapan dan bertanggong-jawab bagi mengatasi masaalah itu akibat-nya kita akan menghadapi suatu kegagalan dan keruntohan moral yang sa-chara saikolojikal", ujar beliau.

Ekoran dari kegagalan itu-lah kita akan menghadapi suatu penyakit yang di-namakan penyakit 'rendah diri' yang akan menimbulkan perasaan 'takut' dan 'malu' kapada bayang2 sendiri.

Terdahulu dari itu beliau menjelaskan bahawa pertandingan Tarian Asli Brunei yang di-adakan itu ada-lah semata-mata merupakan suatu usaha ka-arah pembenaan dan penghidupan semula semangat kebudayaan dan kesenian tradisional Brunei.

Lihat muka 16



AWANG Hamid Ismail menyampaikan Oskar Kejohanan ka-pada ketua pasokan tarian Sekolah Rendah Haji Tarif.

## Tahun 1983 bukan-lah berupa hadiah untok di-simpan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kemerdekaan Brunei pada tahun 1983 nanti bukan-lah merupakan hadiah yang hanya akan di-simpan dan memberi untong semata2 dan tahun kemerdekaan itu juga bukan-lah satu yang dapat di-experimen.

Tahun kemerdekaan ada-lah lebeh merupakan satu chabaran yang terletak di-atas sa-tiap bahu raayat dan pendudok di-negeri ini untok sama2 memikul dan menghadapinya.

Demikan telah di-tekankan oleh Awang Mohd Alimin bin Haji Abd Wahab, Ketua Yunit Latehan Perjawatan ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan perengkat sa-negeri yang di-adakan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini pada hari Sabtu yang lalu.

Untok menchapai tujuan itu, kata beliau, kita patut-lah memperkuatkan bidang pertahanan kita dari sa-barang pengaroh sama ada di-dalam mahu-



Awg. Mohd Alimin.

pun di-luar negeri yang boleh menyelewengkan kita dari hakikat dan asas yang sebenar-nya.

"Sa-tiap raayat di-negeri ini ada mempunyai peranan yang tersendiri yang patut di-sumbangkan tanpa persoalan, hanya kerana dia chintakan tanah ayer-nya. Tidak ada erti-nya kemerdekaan dan kebebasan itu tanpa keselamatan dan perkembangan ekonomi dan masharakat yang pesat", kata-nya.

Pada negara kita yang kechil ini, tambah-nya lagi, konsep itu akan lebeh bermaana kerana sa-tiap jiwa dan tulang empat kerat daripada 200,000 pendudok di-negeri ini mesti-lah di-perhitongkan dan ini juga bererti bahawa sa-tiap kita patut merapatkan barisan kita dan jangan ada yang berbelah bagi.

"Jangan-lah kechaikan apa yang kita chapai

Lihat muka 16

## Upachara perbarisan tamat latehan

JALAN MUARA. — Satu upachara perbarisan tamat latehan bagi rekrut lelaki Pasokan Pulis Diraja Brunei akan di-adakan pada hari Sabtu 28hb Jun ini bertempat di-Padang Kawat Pusat Latehan Pulis, Jalan Muara di-sini mulai jam 7.45 pagi.

Sa-ramai 31 orang rekrut lelaki akan menamatkan latehan mereka pada hari itu. Di-samping itu kira2 200 orang anggota Pasokan Pulis akan mengambil bahagian dalam perbarisan itu.

Pegawai Perubatan Kanan, Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Dr Haji Husin bin Haji Md Daud akan menerima tabek kehormatan serta menyampaikan hadiah2 kapada pelateh2 terbaik di-upachara itu nanti.

**Pelita Brunei**

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

25HB JUN, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## PENIAGA/PENGUSAHA ASING PERLU MENILAI KEJUJORAN

GOLONGAN penjual dan golongan pembekal sa-bilangan besar-nya ada-lah terdiri dari peniaga2 yang bukan Melayu, tegas-nya masharakat Tiong Hwa. Sa-bilangan besar dari mereka ini pula ada-lah tumboh di-negeri Brunei ini sendiri sama ada ia sa-chara di-lahirkan yang antara-nya pula terdapat memileki taraf pendudok tetap atau 'permanent resident' dan ada juga yang telah menjadi raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Tidak kurang di-antara-nya yang mendapat peluang2 saperti mana jua peluang2 yang di-dapat oleh pendudok tulin jati atau waris bumi Brunei ini.

Dalam perkembangan2 ekonomi yang ujud di-Brunei, yang nampak pada pandangan ramai, malah merupakan kenyataan yang betul bahawa masharakat Tiong Hwa Brunei ini-lah yang memegang peranan penting, malah dapat-lah di-katakan yang utama, terhadap tanggong-jawab2 untok mengusahakan bekalan2 yang di-perlukan oleh rayaat. Peluang yang ada pada mereka ini ada-lah peluang2 yang bentok-nya tidak terkhusus untok sa-mata2 mengkukohkan kedudokan mereka sa-bagai peniaga atau pembekal, tetapi tanggong-jawab itu sa-benar-nya ada-lah luas dalam pengertian selaku orang2 yang sama2 menghuni di-bumi Brunei Darussalam ini.

Maka selaku penghuni dan mendapat faedah serta rezeki itu, tidak-lah bermakna yang faedah serta rezeki itu dalam bentok di-mileki sa-chara kontan tanpa memikirkan lain2 perkara yang juga sama faedah-nya sa-bagai jaminan untok terus bertanggong-jawab dan untok terus maju dengan usaha2 niaga mereka. Sebab, kemajuan masharakat Tiong Hwa Brunei di-bidang ekonomi ada-lah chukop jelas dan untok ini pula tidak-lah di-sangkal yang mereka itu banyak memberikan sumbangan2 yang amat berharga sekali dalam bidang pembangunan negara. Hal ini melingkongi-lah kapada soal2 pembekalan barang2 keperluan harian raayat dan juga keperluan2 yang lain yang dapat di-usahakan mereka di-bidang pembangunan yang lain.

Melihat kapada penglibatan mereka sa-chara langsong ini, sudah barang tentu mereka juga punya kesedaran yang mungkin meyakinkan tentang betapa mereka tidak saja sa-mata2 untok memperolehi keuntongan, kerana sa-tiap berusaha itu, matalamat-nya ia-lah faedah atau sa-tiap berniaga itu mesti ada untong-nya atau dalam perkiraan pemborong kalau tidak untong, maka ia tidak akan hidup lama dan akan mudah bingkrap.

Gambaran2 yang kita berikan di-atas ini ada-lah menampakkan yang kita sama2 menyedari akan hal2 yang sa-umpama itu. Apa yang ingin kita timbulkan dari hal2 yang kita bangkitkan itu ia-lah tentang 'rasa bertanggong-jawab' selaku orang2 yang sama2 berlindong di-bawah payong Brunei Darussalam. Sebab, sa-jauh ini kita seringkali di-ajukan akan hal2 yang tidak sa-imbang atau tidak chuchok yang pernah di-lakukan oleh golongan2 yang tersebut di-atas saperti ketidak jujoran.

Perkataan yang tidak senang di-dengar yang seringkali di-sandarkan kapada golongan2 peniaga dan pengusaha Tiong Hwa ini ia-lah "pemerasan". Dan sa-jauh mana pemerasan itu ujud dan apa-kah ia tergolong dalam istilah pemerasan belum-lah dapat kita jejaki. Bagaimana pun perumpamaan "menanggok di-ayer keroh" sering di-limparkan kapada peniaga2 barang2 runchit yang menaikan harga barang2 keperluan harian raayat dengan tidak berpatutan. Untok perkara ini, ada kala-nya juga kita dapat menemui-nya dan pengguna2 atau pembeli2-lah yang sering melaporkan kejadian2 sa-umpama ini — demikian juga dalam hal kontrek-mengontrek.

Langkah begini ada-lah amat mendukachitakan dan ini juga bermakna yang mereka itu hanya mementingkan keuntongan diri sendiri tanpa memikirkan betapa susah-nya akibat yang bakal kita tanggong. Dalam hubongan ini, apa yang ingin kita nasehatkan supaya mereka itu mengambil langkah2 yang waras dan berpatutan jangan sampai langkah2 mereka itu merugikan dan merunsingkan negara.

## PADA HEMAT SAYA....

# SA-PINTAS LALU DI-TIGA LINTASAN

1 **PESTA** bernama Tamu Belia baru2 ini tentu maseh **fresh** lagi untok di-sebut.

Apa komen saya ?

Tidak ada !

Dari jauh — saya chuma sempat menyaksikan sa-bahagian-nya. Jalama yang **bertamu** sunggoh besar bilangan-nya. Khabar-nya ada yang sudah **bertunggu** di-Pantai Muara sejak tengah malam-nya. Dan di-awal pagi siang-nya, bas2 penoh sesak, kereta2 berderet lebeh tiga batu panjang-nya. Rata2 sama saja tersendat2 jalan-nya.

Achara-nya terjenis ragam. Bernama budaya berbagai2 jenis seni-nya. Pun jual longgok juga ada.

Tapi yang pasti : tarekan utama-nya ia-lah **stage show** lawak-nyanyi artis2 pop luar negeri!

Kelihatan-nya, penat lelah penganjor2-nya **babalui** juga dengan sambutan besar begitu. Apa lagi tujuan mengadakan-nya juga di-katakan berhasil.

Dan makin jelas-lah lagi, muda-mudi kita tidak akan terus menerus kesunyian dari di-sogokkan dengan aneka **pesta-pestaan** untok **hibor-hiboran.** Boleh-lah jadi tambahan apa yang saban malam di-tonton di-talivishen atau di-panggong2 wayang, yang di-tatap di-bacha di-majallah2. Boleh-lah !

Sa-sudah itu mungkin juga terbetek suatu ilham, bahawa akan ada-lah pula nanti **sponsor2** untok **stage show** yang sa-rupa atau yang lebeh hebat dari-nya.

Mungkin saja begitu. Si-apa-lah tahu.

**Waktu itu nanti tentu maseh ramai yang tidak mengharap akan sekali lagi menonton stage show begitu dengan MBB menjadi sponsor-nya. Sebab mereka itu menaroh minat kapada MBB bukan dari sudut pesta hibor-hiboran begitu tapi dari reputasi dan prestasi nama-nya dalam sa-panjang sejarah . . . .**

* * *

2 **SELANG** beberapa hari sa-lepas Tamu Belia yang meriah itu, siaran sa-chara langsong sambutan Isra' Me'raj pun di-sempurnakan. Achara utama-nya ia-lah pertandingan perengkat akhir nashid.

Hebat, lebeh hebat dari tahun lepas.

Apa-nya ?

Peserta2-nya di-katakan lebeh sa-ribu orang dari perengkat pemilehan di-daerah2 menganggotai lebeh 40 pasokan.

Kalau nashid2 itu tujuan-nya untok mengumandangkan da'awah menerusi keindahan (champor kepadatan) kata2 luhor dan kemerduan suara maka erti-nya pada tahun ini ada lebeh sa-ribu yang terlibat mengumandangkan da'awah itu.

Alangkah jumlah itu suatu **ratio** yang besar bagi suatu penglibatan berda'awah sa-chara berterang2!

Berterang2 bagaimana?

Dengan kata2 luhor yang membangkitkan rasa keterharuan manis-nya iman dan lazat-nya Islam, tambahan pula di-hebatkan lagi oleh pakaian yang indah menepati kehendak shara', maka tentu-lah itu suatu da'awah berterang2 nama-nya.

Tinggal lagi tentu-nya ada pula yang tidak menjangka kemuncholan sa-tengah2 peserta berterang2 berda'awah sa-demikian itu. Maksud-nya : orang berharap — dan kita juga sama berharap — kemuncholan begitu bukan sa-mata2 suatu **showmanship** yang di-peradukan. Jauh sekali sa-takat di-pentas di-depan kamera di-bawah chahaya lampu!

Tidak-lah sa-begitu hendak-nya.

Atau kalau pun chuma begitu tentu maseh boleh di-kira suatu keberanian.

Keberanian bagaimana?

Ada orang akan menjawab : keberanian tampil di-hadapan penonton yang beribu2 di-kacha TV sa-lain beratus2 lagi yang langsong melihat di-majlis itu.

Kalau begitu ada juga benar-nya tapi tidak-lah sa-penoh-nya.

Sebab mereka tampil bukan-nya solo untok sa-bulat2-nya jadi tumpuan mata (dan juga hati) penonton. Munchol tampil beramai2 sa-chara berpasokan begitu tidak perlu banyak keberanian.

Maka jawaban saya boleh-lah di-kesan melalui deretan kata2 ini :

**Mereka berani mengumandangkan kata2 yang benar sekali pun mungkin sa-takat di-lidah, apalagi kalau dengan sa-penoh hati, sa-chara berterang2 pula, bukan dengan sa-takat suara bahkan berterang2 di-depan mata.**

**Alangkah itu suatu keberanian. Dan kita akan sentiasa menghargai-nya kerana tujuan dan chara-nya maseh sehat 'afiat . . .**

* * *

3 **TIDAK** sampai selang sa-hari sa-sudah sambutan **bermajlis** itu hinggalah ka-saat menulis ini pun maseh **fresh** juga untok menyebut dan mendengar (apa lagi kalau menonton) berita **majlis-majlisan** Isra' Me'raj di-sana sini.

Dari pendengaran dan penglihatan (juga pengamatan) nyata-nya orang2 kita sa-makin **committed** dengan anjoran2 keugamaan. Maka shukor-lah, dan alhamdulillah . . .

Ada yang melihat **commitment** itu maseh dalam bentok **majlis-majlisan,** atau juga **pesta-pestaan** dalam musim2-nya.

Sa-bahagian besar-nya benar-lah begitu. Tapi apa pula salah-nya, terutama kita patut pula bersedia menerima hakikat bahawa chara yang sedemikian itu sa-benar-nya berupa **nature** orang2 kita. Dan dalam keadaan-nya begitu bukan pula tidak mungkin menjadi sa-macham **pengimbang** di-antara banyak lagi **nature** yang sudah termaklom sa-bagai **majlis-majlisan** dan **pesta-pestaan** lain terutama **hibor-hiboran.**

Itu kalau di-lihat sa-bagai pengimbang.

Soal-nya: **begitu saja-kah fungsi-nya ugama ?**

**Sa-lama mana-kah ia terus menerus di-tarafkan sa-bagai pengimbang sedang besar kemungkinan *ketika* arus deras atau angin *kenchang*, tali pengimbang itu akan sukar di-pertahankan atau juga di-kendalikan.**

* * *

**SHAHDAN** ketika bersebok2 dengan perkara lain baru2 ini datang-lah sa-orang yang sentiasa sudi menerima dan memberi senyum. Tujuan-nya segera di-nyatakan-nya: meminta saya **bersharah** atau **membacha me'raj** di-masjid di-kawasan-nya. Tarikh yang di-sebutkan-nya meski pun terlalu singkat ia-itu esok malam-nya tapi kebetulan hari dan sa'at saya lapang maka saya tidak banyak bichara menerima saja permintaan itu.

Chuma sa-lepas itu dia memberitahu keraguan-nya dan keraguan sa-tengah2 rakan-nya dalam jawatan kuasa masjid: apa-kah saya dapat lagi di-jemput bersharah, kata-nya, ma'alom saja-lah . . .

Alangkah mengulum-nya senyum saya ketika itu. Saya memberitahu-nya : **ibarat doktor yang tidak lagi berkhidmat di-hospital pernah dan maseh boleh di-harapkan akan memberi khidmat-nya dalam bidang perubatan apabila di-perlukan maka lebeh kurang begitu-lah saya . . .** *Ketua Pegawai Penerangan.*

***"....ketika arus deras atau angin kenchang, tali pengimbang itu akan sukar di-pertahankan atau juga di-kendalikan"***

# BRUNEI CELEBRATES QUEEN'S BIRTHDAY



BANDAR SERI BEGAWAN. — June 14 was the Queen Elizabeth's 54th birthday.

But the parade commemorating her birthday was postponed to June 17 due to the passing of a niece of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, YAM Pengiran Anak Hurmah Raihaanatul Bulqiah.

The exciting celebrations commenced with a parade at the Town Padang here in the morning.

The Deputy Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, on arrival at the field, received the royal salute.

Taking part in the ceremony were the Princess Mary's Own Gurkha Rifles, the Royal Brunei Malay Regiment and the Royal Brunei Police Force, under the command of Major M.T. Cook.

The Pipes and Drums as well as the composite bands of the three forces participated in the ceremony too.

Mr Arthur Watson, the British High Commissioner, read the text of the Queen's message to the Commonwealth and inspected the parade.

The parade fired a Feu-de-joie and the Police Saluting Gun Unit began to fire a 21-gun salute at ten second intervals in co-ordination with the Feu-de-joie.

Three cheers for the Queen rang out from the parade and the Air Wing of the regiment staged a fly-fast by 7 helicopters.

Those present at the ceremony included the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, other members of the Royal Family, the General advisor to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, the Menteri Besar and the State Secretary.

In the evening, a party was thrown out by Mr Arthur Watson at his residence to celebrate the Queen's birthday.

The reception was attended by the above mentioned VIPs and dignitaries.

At the function, Mr Arthur Watson made a toast to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, while the Deputy Sultan proposed a toast to the Queen.

The party was livened up with the melody presented by the bands of the Royal Brunei Police and the Gurkha Rifles.

Mr. Athur Watson (above), inspects the Gurkha Rifles. Below : His Excellency reading the Queen's message to the Commonwealth.



## RBMR officers promoted

BERAKAS. — Five officers of the Royal Brunei Malay Regiment were promoted last week.

Acting Major Abdul Aziz bin Abdullah from the regiment's headquarters was confirmed in his post effective on May 23.

While four acting Captains were also confirmed in their new ranks with effect from June 16.

They are Captains Pengiran Tajuddin bin Pg Hashim of the First Battalion, Mohammed Radin bin Datu Dian from the Air Wing, Matzan bin Abdul Ghani and Jamil bin Pehin Dato Hj Mohammed, both are from the Second Battalion.

## Tranees visit Berakas Camp

BERAKAS. — The Welfare Employment Training Centre's 17 trainees last week paid a visit to the Berakas Camp and the First Flotilla base at Muara.

The aim of their tours was to familiarise themselves with the military activities and all sorts of equipment.

Headed by two officials of the centre, the party saw the armoured tanks, a display of various weapons used by the soldiers, and visited the Air Wing.

A talk on the operations and activities of the regiment including the job opportunities in the armed forces was delivered to the group.

The visitors then flew to Muara by regimental helicopters to see the naval wing of the regiment, the First Flotilla.

## Annual athletic championships

BANDAR SERI BEGAWAN. — The yearly athletic championships of the Brunei Amateur Athletic Association are scheduled to be held on July 5 and 6.

The venue will be at the Hassanal Bolkiah Stadium, Gadong.

In the men's section, a total of 17 events will be held, whilst in the women's section, there will be 13 events.

Government departments, clubs, commercial firms, schools, colleges, private organisations and individuals all over the country are welcome to participate in the sports meet.

Entry forms are still obtainable from the officials of the association.

But, the completed forms have to be returned before 4 pm to-day.

## *Shell employs tug*

MUARA — The new vessel Smit Llyod-71 has been employed by Brunei Shell Petroleum Company for a period of 5 years as a tug/anchor handling and supply vessel.

The ship, which was built in Holland performed a successful salvage operation in the Mediterranean Sea.

Several features have been incorporated specially for Brunei Shell, particularly a four-drum winch wtih a holding power of 150 tons.

The ship itself has engines which produce 6000 horse power with a pulling capability of 70 tons.

Smit Lloyd-71 also has fire fighting and anti-pollution capabilities.

The vessel, which has a crew of 8 is commanded by Captain Lambert Tiesenga.

It is now being used for carrying supplies, such as pipes and cement from here, Kuala Belait and Labuan to the offshore oil rigs.

In addition to this purposes, the vessel also moves rigs from one place to another.

And it is able to carry cargoes up to a thousand tons.

The boat, equipped with automatic pilot control system, is currently at the company's base here.

## 1500th visitor

BERAKAS. — The Royal Malay Regiment's Museum at the Bolkiah Camp received its 1500th visitor on Thursday.

The lucky man was Mr Francis Thomas who was among a group of students from the Sufri Bolkiah English School.

He was presented with a special souvenic by the Curator of the Museum, Major Dato Paduka Buttrell.

The Museum was first open to the public in January this year.

## Haji Jaya undergoes training

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Hj Jaya bin Abdul Latif, the Deputy Director of Establishment, is at present in Sydney, Australia, undergoing training.

He is attending a three-week licencing programme course at the Kepner-Tregoe Leadership Development Institute.

In future, the Brunei government will conduct such a course locally with the assistance of Awang Haji Jaya who will obtain a licence from the institute very soon.

Thus far, he is the first local officer to undergo such a training.

The institution primely deals in Problem Solving, Potential Problem Analysis and Decision Making.



## Course on Training Methodology

AN executive with Radio TV Brunei, Awang Hussin Ahmad, is among 15 senior officers from nine countries attending a regional course on training methodology at the Asia-Pacific Institute for Broadcasting Development (AIBD) in Kuala Lumpur.

The four-week course, which began on May 19, is conducted by AIBD Regional Training Coordinator Mr Pat Alexander, and an Australian consultant, Mr Wes Weir.

Mr Weir, who is the Director of Staff Development, Department of Housing and Construction, is on his third consultancy visit to the AIBD under the sponsorship of the Australian Government.

According to Mr Weir, the participants, who had attended one of two courses in KL two years ago, have found their training highly relevant to their needs in radio and television broadcasting.

The present refresher course requires the participants to conduct surveys and interviews, followed by group presentation and review.

Awang Hussin, who is the Unit Director of Radio TV Brunei, said his country's TV network is relatively young and the course will be useful in helping him acquire the expertise to train other personnel back home.

Other participants are from Indonesia, Malaysia, Papua New Guinea, the Philippines, Singapore, Sri Lanka, Thailand and Vietnam.

**PICTURE above shows Awang Hussin, right, discusses a chart presentation by participant from Singapore, Ms Mildred Appaduray, third from left, observed by Mr Alexander, seated, and Mr Weir.**

# MAZHAB DAN ILMU ISLAM (I)

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.......



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

## Siri ke-38

### TIADA BERPENDIRIAN

BERKATA **Al-Allamah Ash-Sheikh Muhammad Zahid Al-Kauthari** (Rahimahullahu Ta'ala) dalam **Maqalat Al-Kauthari** *"Sukar di-dapati sa-orang pun dari kalangan ahli Siasah yang berada dalam satu2 parti memandang hormat kapada ahli Siasah yang lain (dari parti yang lain). Sa-tengah mereka pula tiada mempunyai suatu dasar yang hendak di-perjuangkan-nya dengan ikhlas dan jujor. Terdapat juga orang2 yang chuba menipu orang ramai dengan mengatakan bahawa diri-nya bersama2 mereka, sedang orang itu sa-benar-nya tidak pun mempunyai pendirian yang tetap. Sa-burok2 sifat sa-seorang itu ia-lah menjadi pak turut (tiada hati-nya tetap berada dalam kumpolan ini, dan tiada juga tetap berada dalam kumpolan lain), sa-balek-nya, ia berpura2 bersama2 semua parti dan dudok bersama2 mereka."*

Demikian-lah juga hal-nya dalam perkara bermazhab, barang siapa berdolak-dalek di-antara satu mazhab dengan mazhab lain (tiada tetap memakai sa-suatu mazhab dalam ugama Islam) maka dia ada-lah sa-jahat2 dan sa-burok2 orang.

Dalam perkara ilmu pula, orang2 yang mengarang sa-suatu ilmu pun ada dasar tertentu bagi mereka, dan ada mazhab (aliran) yang tertentu mereka ikuti. Sa-bagai chontoh dalam ilmu bahasa Arab pun ada mazhab2 yang tertentu dan dasar2 yang tertentu mereka ikuti saperti Mazhab Kufi dan Mazhab Basri (dalam bidang Nahu Arab).

### MAZHAB DALAM ISLAM

Perkataan bermazhab dalam ugama dan ilmu Islam itu tiada-lah boleh di-ketepikan begitu sahaja. Orang2 yang berpegang dengan dasar2 dan mazhab2 tertentu dalam sa-suatu ilmu itu tiada-lah dapat di-katakan bodoh, bahkan itu-lah menunjokkan orang itu ingin menyelideki dan mengkaji lebeh mendalam dalam ilmu tersebut. Begitu juga dalam ilmu Islam, yang mana ulama2 Islam telah mengambil berat sa-panjang zaman perkembangan Islam dari awal2 Islam sa-hingga-lah sampai ka-zaman kita ini. Sa-bagai chontoh Ilmu Feqah Islam, Nabi (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) telah mengajar Ilmu Feqah ini (hukum halal haram) kapada Sahabat2 Baginda sambil menerangkan juga akan hukum2 ugama yang lain-nya, juga melateh mereka tentang bagaimana chara mengeluarkan hukum Islam.

### PAKAR2 ILMU FEQAH

Akhir-nya Baginda telah berjaya melateh dan menimbulkan enam orang sahabat (Radhiallahu 'Anhum) yang layak dan ada kebolehan dalam memberi fatwa dan mengeluarkan hukum2 Islam ia-itu pada masa Baginda Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) maseh hidup lagi bersama2 mereka. Ke-enam2 sahabat itu ia-lah **Sayidina Ali bin Abi Talib, Abdullah bin Mas'ud, Sayidina Umar Ibnil Khattab, Zaid bin Thabit, Abi Darda', dan Ubai bin Ka'ab.** Sa-lepas Baginda Rasulullah berpindah ka-alam Ar-Rafiqul A'ala, maka sahabat2 yang lain sentiasa dan kekal belajar akan hukum2 feqah dari enam orang sahabat tadi. Mereka mempunyai pengikut yang terdiri dari para Sahabat2 dan Tabi'in yang mengikut, menyiarkan dan mengembangkan fatwa (dari enam orang sahabat itu).

Ada-lah Al-Madinah Al-Munawwarah itu tempat turun wahyu dan tempat diam kebanyakan para sahabat sa-hingga akhir masa Khalifah yang ketiga (Sayidina Othman). Kebanyakan orang yang tinggal di-Medinah menghimpunkan segala apa yang di-naqal daripada sahabat2 dalam perkara feqah dan hadith, sa-hingga **Fuqahaus-Sab'ah** (tujoh orang ulama yang di-gelar dengan **Fuqahaus-Sab'ah**) daripada pendudok Al-Madinah mendapat tempat istimewa dalam Ilmu Feqah. Mithal-nya, **At-Tabi'i Said bin Al-Musayib** telah di-tanyai dan di-ruju' oleh **Sahabat Ibnu Umar** (Radhiallahu 'Anhuma) akan hukum2 yang telah diputuskan oleh ayahandanya (Sayidina Umar) berhubong dengan kes2 perbicharaan antara sa-sama orang Islam, kerana **Sahabat Ibnu Umar** tahu bahawa **At-Tabi'i Said bin Al-Musayib** luas pengetahuan-nya dalam perkara hukum berthabit dengan perbicharaan yang di-putuskan oleh sahabat2 (**Aqdhiatus-Sahabah**).

### USAHA IMAM MALIK

Kemudian ilmu pengetahuan mereka itu turun (berpindah) kapada guru2 bagi **Al-Imam Malik** (mereka itu ada-lah pendudok2 Medinah). **Al-Imam Malik** pula menyambong usaha2 guru2-nya, dia menghimpunkan ilmu2 itu dan menyiarkan-nya kapada orang ramai, lalu di-nisbahkan ilmu itu (sama ada pada dasar-nya atau pada chawangan2-nya) kapada **Al-Imam Malik** (menjadi mazhab-nya). Ulama2 besar mengakui ilmu **Al-Imam Malik** itu kerana kuat hujjah-nya dan terang jelas chara susunan mazhab-nya dari awal2 kurun Islam sa-hingga sekarang.

### BERPADU DALAM MAZHAB

Sa-kira-nya ada sa-orang daripada ulama yang mengikut **Al-Imam Malik** itu hendak membuat suatu mazhab lain dari **Mazhab Al-Imam Malik** (kerana luas ilmu orang itu dan tegas pandangan dan pendapat-nya) neschaya di-dapati akan ada orang2 dan ulama2 mengikut mazhab baharu yang lain dari **Mazhab Al-Imam Malik** itu. Tetapi ulama2 (pengikut **Al-Imam Malik**) lebeh suka dudok dengan bernasab kapada Mazhab Al-Imam Malik dengan tujuan untok menjaga perpaduan, pada hal mereka mengetahui bahawa ada sa-tengah2 masaalah yang lemah dan dhaif di-riwayatkan daripada Al-Imam Malik itu terdapat dalam mazhab-nya. Untok memperbaiki-nya, masaalah2 yang lemah itu di-ganti dengan masaalah2 yang kuat hujjah dan tegas yang di-suarakan oleh ulama **Mazhab Al-Maliki.** Dengan itu jadi-lah **Mazhab Al-Imam Malik** itu lebeh kuat dan kukoh.

### KELEBEHAN IBNU MAS'UD

Begitu juga lain2 mazhab yang di-ikut oleh orang ramai. Apabila Al-Kufah di-jadikan oleh **Sayidina Umar** sa-bagai kepala ibu negeri Iraq, terdapat di-sana banyak qabilah2 Arab yang faseh. **Sayidina Umar** mengirimkan **Sahabat Ibnu Mas'ud** (Radhiallahu 'Anhu) untok mengajar pendudok **Al-Kufah** akan ilmu2 ugama. Berkata **Sayidina Umar** kapada pendudok Kufah: *"Bahawa saya lebehkan kamu dari diri saya dengan Abdullah itu (Ibnu Mas'ud)".* Kedudokan sahabat Ibnu Mas'ud di-antara sahabat2 yang lain ada-lah sangat tinggi. Sa-terus-nya kata Sayidina Umar mengenai dengan sahabat Ibnu Mas'ud: *"Dia itu suatu bijana yang penoh dengan ilmu."* Dalam suatu hadith yang berhubong dengan-nya:

إني رضيت لأمتي ما رضي لها ابن أم عبد

Erti-nya: *"Bahawasa-nya saya redza bagi umat saya apa yang telah di-redzakan oleh Ibnu Ummi Abdin (Ibnu Mas'ud) bagi umat saya."*

Dalam suatu hadith yang lain pula:

من أراد أن يقرأ القرآن غضا كما أنزل فليقرأه على قراءة ابن أم عبد.

Erti-nya: *"Barangsiapa hendak membacha Al-Kor'an dalam keadaan-nya baharu dan segar, sa-bagaimana ia baharu di-turunkan, maka hendak-lah ia bacha Al-Kor'an itu mengikut qira'ah Ibnu Ummi Abdin."*

Qira'ah Ibnu Mas'ud itu ia-lah qira'ah yang di-turunkan oleh **'Asim** daripada **Zirru Ibni Hubaishin** daripada **Ibnu Mas'ud,** begitu juga qira'ah **Sayidina Ali bin Abi Talib** (Radhiallahu 'Anhu) di-riwayatkan oleh **'Asim** daripada **Abi Abdil Rahmu Abdillah bin Habibis-Sulami** daripada **Sayidina Ali.**

### JASA2 IBNU MAS'UD

**Dengan** yang demikian, sahabat Ibnu Mas'ud pun berusaha mengajar ilmu Ugama kapada pendudok Kufah dengan bersunggoh2 dari zaman Sayidina Umar hingga ka-zaman Sayidina Othman (Radhiallahu 'Anhum) sa-hingga penoh-lah bandar Kufah itu dengan ulama Feqah. Manakala Sayidina Ali bin Abi Talib (Karramallahu Wajhahu) berpindah ka-Kufah di-dapati-nya banyak ulama feqah di-situ, ini satu perkara yang menggembirakan. Lalu Sayidina Ali berkata:

رحم الله ابن أم عبد قد ملأ هذه القرية علما.

Erti-nya: *"Allah jua memberi rahmat akan Ibnu Ummi Abdin yang telah memenohkan negeri Kufah ini dengan ilmu."*

### KUFAH BANDAR ILMU

Sementara Sayidina Ali pula meneruskan mengajar feqah di-kalangan pendudok2 Kufah sa-hingga Kufah itu tiada tolok bandingan-nya di-antara ibu2 negeri Islam dalam perkara banyak-nya ulama feqah, ulama hadith, ulama 'ulumul-Kor'an dan berkembang-nya ilmu Bahasa Arab.

**Al-Imam Al-'Ejli** telah berkata dalam **"Tarikh"**-nya bahawa: *"Sahabat yang mendiami (tetap) di-Kufah sahaja sa-banyak sa-ribu lima ratus orang sa-lain dari sahabat yang menyiarkan berbagai ilmu di-sekitar kawasan Kufah itu. Kemudian mereka itu berpindah dan mengembara ka-lain2 negeri untok mengembangkan ilmu pengetahuan Islam."*

(BERSAMBONG)

*WALLAHU A'ALAM*



# PERISTEWA ISRA' DAN ME'RAJ PENTING UNTOK PENGAJARAN

KITA pada masa ini ada-lah berada di-dalam bulan Rejab, ia-itu bulan yang mempunyai kelebehan yang tersendiri di-mana pernah di-dalam bulan ini suatu peristewa yang amat penting dan agong di-sisi kita umat Islam, peristewa ini walaupun telah berlaku kira2 1400 tahun yang lalu, namun ia-nya tetap memberikan pengertian dan pengajaran yang besar faedah-nya kapada sa-tiap umat Islam.

Ada pun peristewa penting yang pernah terjadi dibulan Rejab ini, sa-bagaimana kita semua maklum ia-lah peristewa Isra' Me'raj yang telah berlaku ka-atas junjongan Nabi kita Mohammad s.a.w.

Sa-benar-nya walaupun berlaku-nya peristewa itu kira2 1400 tahun yang lampau, akan tetapi-nya ia-nya ada-lah tetap menjadi suatu chubaan dan dugaan daripada Allah kapada umat Islam untok mengetahui sa-jauh mana-kah kita beriman kapada Allah dan kekuasaan-Nya yang maha besar itu.

Perbuatan dan amalan yang telah kita buat dan akan lakukan dari kesah peristewa Isra' dan Me'raj itu, sa-benar-nya bagi orang yang benar2 beriman kapada Allah dan kekuasaan-Nya ada-lah akan mengikut sikap dan pendirian Saidina Abu Bakar Al-Siddiq yang sentiasa membenarkan sa-tiap apa jua yang berlaku dan terjadi kapada diri Rasulullah s.aw., apa-tah lagi peristewa Isra' dan Me'raj di-mana Saidina Abu Bakar r.a. sedikit pun tidak ragu2 terhadap peristewa pelek tetapi benar itu, ini ada-lah kerana Saidina Abu Bakar r.a. tahu dan penoh beriman bahawa Allah itu ada-lah Maha Berkuasa untok berbuat dan melakukan sa-suatu ka-atas hamba2-Nya. Maka apa jua yang di-kehendaki neschaya pasti berlaku, dari itu kita sa-bagai hamba Allah yang sifat-nya lemah jangan-lah berasa sombong dan takbor dengan hanya sedikit kuasa dan harta kekayaan yang ada di-tangan kita, kerana kesemua-nya itu ada-lah milek Allah s.w.t. jua. Bila2 masa jua Allah berkuasa meluchutkan dari tangan kita sa-bagaimana firman-Nya dalam Al-Kor'an di-dalam surah Ali Emran ayat 26 yang bermaksud: *Katakan-lah (wahai Muhammad) ya Allah yang mempunyai kekuasaan, Engkau-lah yang memberikan kekuasaan kapada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau ambil kekuasaan-nya itu dari orang yang Engkau kehendaki, Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki di-tangan Mu-lah segala kebaikan, sesunggoh-nya Engkau-lah Maha Berkuasa atas segala sa-suatu.*

Sa-lain dari itu, wahai kaum Muslimin hendak-lah menjadi ingatan kapada diri kita sa-tiap apa jua kejadian dan perkara2 yang telah di-saksikan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. di-dalam peristewa Isra' dan Me'raj itu, kerana ini ada-lah lebeh merupakan gambaran terhadap balasan yang akan kita terima di-akhirat nanti demi apa yang telah kita buat dan apa yang akan kita lakukan sa-masa hidup kita ini, oleh itu sa-bagai orang yang beriman dan mempunyai fikiran yang waras dan sehat ini tidak akan melakukan perkara2 saperti mana yang di-saksikan oleh Rasulullah s.a.w. akan balasannya ketika peristewa Isra' dan Me'raj itu ia-itu saperti menghentok-hentokkan kepala sendiri hingga pechah di-sebabkan malas mengerjakan sembahyang, makan daging busok di-sebabkan melakukan zina, memotong lidah hingga putus di-sebabkan suka membuat fitnah dan berbagai-bagai lagi.

Maka bersempena bulan Rejab yang mulia ini mari-lah kita sama memerhatikan diri kita dan mengkaji sa-takat mana-kah kita telah menunaikan kewajipan kita kapada Allah, kapada diri kita sendiri sa-bagai sa-orang Islam, kapada keluarga dan kapada saudara kita sasama Islam, dengan kita meneliti dan mengkaji diri kita semoga kita terhindar dari mendapat balasan yang saperti mana di-perlihatkan oleh Allah di-dalam peristewa Isra' dan Me'raj.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong** mulai dari hari Rabu 25hb Jun, 1980 hingga ka-hari Selasa 1hb Julai, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 25hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 26hb Jun | 12.29 | 3.49 | 6.40 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 27hb Jun | 12.29 | 3.49 | 6.40 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 28hb Jun | 12.29 | 3.49 | 6.40 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 29hb Jun | 12.29 | 3.49 | 6.40 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 30hb Jun | 12.29 | 3.49 | 6.40 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 1hb Julai | 12.29 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.11 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

**Bingkisan minggu ini**

# Kebersehan berhubong erat dalam ibadah sembahyang

TELAH sedia kita maklumi, bahawa ibadat sembahyang ada-lah satu ibadat yang tidak sah di-lakukan sa-lagi satu sharat yang utama ia-itu berseh dari segala kekotoran pada badan, pakaian dan tempat sembahyang tidak di-lakukan.

Dalam hubongan ini, nyata-lah kapada kita bahawa ibadat sembahyang itu mempunyai hubongan yang rapat dengan kebersehan tuboh badan, pakaian dan tempat.

Jadi di-sini jelas kita faham bahawa perkara kebersehan atau bersuchi dari segala bentok najis ada-lah suatu yang tidak dapat di-pisah-pisahkan dengan ibadah kita itu.

Sa-andai-nya kebersehan tidak ada maka ibadah kita tidak akan di-terima oleh Allah, yang demikian akan menjadi sia2-lah segala perbuatan kita itu. Begitu-lah erat-nya perhubongan antara kebersehan dengan ibadah sembahyang, suatu perhubongan mutalak yang tidak boleh tidak mesti kita ambil perhatian.

Berhubong dengan perkara kebersehan ini, sa-memang-nya dalam kehidupan kita ini kita memerlukan akan keadaan yang berseh, sentiasa suchi serta terjauh daripada segala benda2 yang najis. Kesihatan kita akan sentiasa terjamin sa-andai-nya kita sentiasa dapat memerhatikan akan keperluan2 jasmani kita itu.

Jika kita sentiasa berseh, dan tuboh badan pula sentiasa sehat maka tentu-lah kita akan dapat menikmati kehidupan yang bahagia, dapat memberes-kan segala tugas dan kerja kita sa-hari2 di-samping dapat pula kita menjalankan segala ibadah yang di-perintahkan oleh Allah kapada kita.

Sa-belum kita mendirikan ibadah sembahyang, maka terlebeh dahulu kita di-wajibkan mengambil udzu. Sa-chara langsong udzu yang di-wajibkan itu ada-lah bertujuan untok membersehkan anggota2 yang penting ia-itu-lah anggota2 yang sentiasa terdedah kapada kekotoran, saperti kaki, tangan, muka dan sa-bagai-nya. Sa-lepas itu apabila kita yakin yang kita telah chukop berseh, chukop sa-bagaimana yang di-tuntut oleh shara' maka baharu-lah kita memulai untok menghadap Allah. Jadi di-sini, sesuai dengan tujuan kita untok menghadapi Allah s.w.t. yang maha agong, maka kita telah mempersiapkan diri kita dalam keadaan yang berseh lagi suchi......Allah s.w.t. sa-benar-nya ada-lah suka kapada yang berseh. Kesukaan atau chinta Allah kapada orang yang berseh sama saperti chinta-Nya kapada orang2 yang bertaubat, ini sesuai dengan apa yang di-firmankan oleh Allah dalam surah Al-Baqarah sa-bahagian ayat 222, yang bermaksud: *"Sa-sunggoh-nya Allah itu menchintai orang2 yang bertaubat dari kesalahan-nya, dan ia juga chinta kapada orang yang sentiasa berseh......"*

Di-sini terang dan jelas betapa suchi atau sentiasa membersehkan diri itu ada-lah suatu yang mulia di-sisi Allah dan sangat2 di-tuntut oleh Ugama Islam.

Sa-sunggoh-nya apabila kita telah memberikan perhatian kapada kebersehan, maka kita akan memperoleh kesihatan, yang demikian itu akan lahir-lah pula kemajuan yang sangat2 kita tuntut dalam kehidupan kita.

# Memelok Ugama Islam

SA-RAMAI empat orang lagi telah memelok Ugama Islam di-dua tempat berasingan baru2 ini.

Di-Daerah Brunei dan Muara, majlis pengIslaman telah berlangsong di-rumah No. 58, Kampong Petagian, Jalan Kota Batu bagi sa-orang pemuda bangsa China Hon Sin Chong berusia 20 tahun. Hon Sin Chong telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohd. Hosaini bin Abdullah di hadapan sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Awg Mohd Yusof bin Perak.

Mohd Hosaini yang berasal dari Miri, Sarawak telah melangsongkan pengIslaman-nya pada 29hb Mei lalu dan di-ra'i-kan dengan satu majlis berdzikir.

Sementara itu di-Daerah Belait, tiga orang wanita — dua dari puak Dusun dan sa-orang dari puak Bisaya telah juga memelok Ugama Islam pada 9hb Jun lepas di-hadapan Awg Johari bin Omarali bertempat di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait.

Dayang Sarai bte Laki berumor 23 tahun telah memileh nama Islam sa-bagai Dayang Maslileana bte Abdullah. Dayang Bunga bte Tambal berumor 77 tahun telah memileh nama Islam sa-bagai Dyg Taibah bte Abdullah, kedua-dua-nya dari puak Dusun, manakala Dayang Nasip anak Gerintik berumor 19 tahun dari puak Bisaya dari Limbang memileh nama Islam sa-bagai Dyg Siti Nasibah bte Abdullah.



GAMBAR menunjokkan Awang Mohd Yusof (kanan) ketika memberi lafadz ikrar Islam kapada Hon Sin Chong (tengah kiri) yang memileh nama Islam sa-bagai Mohd Hosaini. (Gambar JHEU).







EMPAT buah pasokan Nashid yang telah berjaya menyandang johan dan naib-johan dalam Peraduan Nashid Perengkat Negeri yang telah di-adakan 10hb Jun yang lalu.

Kumpolan Nashid Badan Kebajikan dan Sokan Jabatan Kerja Raya—BENARA (gambar atas kiri) johan dalam bahagian lelaki sementara Kumpolan Nashid Badan Kebajikan dan Sokan Radio Talivishen Brunei menjadi naib-johan (kiri).

Johan bahagian perempuan ia-lah Kumpolan Nashid Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (atas kanan) dan naib-johan ia-lah Kumpolan Nashid Nisaul Ummah Persatuan Perangkap (kanan).



## Penuntut2 tinjau Markas AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN.— Sa-rombongan saramai 30 orang penuntut dari Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait akan mengadakan lawatan sa-hari ka-beberapa Markas Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei pada 26hb Jun (esok) mulai jam 9.15 pagi.

Antara Markas Pasokan yang akan mereka lawati itu termasok-lah Pusat Latehan Perkhemahan Bolkiah, Angkatan Laut Pertama di-Muara, Chawangan Udara dan Pasokan Battalion Pertama di-Berakas Kem.

Di-samping itu para pelawat juga akan di-berikan taklimat mengenai dengan kerjaya tentera serta perkembangan pasokan AMDB sejak ia-nya di-tubohkan. Lawatan tersebut ada-lah khas di-ranchang oleh Jabatan Pelajaran dengan kerjasama Pasokan AMDB yang mana ia-nya bertujuan untok menarek minat serta menggalakan penuntut2 memasoki kerjaya tentera.

Sementara itu pada 19hb Jun yang lalu sa-rombongan yang mengandongi 62 orang penuntut2 dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong dan Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong telah mengadakan lawatan yang sama ka-markas2 Pasokan AMDB.

# 144 orang penuntut akan menerima hadiah Pelajaran Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis penyampaian hadiah kapada penuntut2 yang mendapat markah tertinggi dalam mata-pelajaran Ugama Islam dari pepereksaan bersijil aliran ugama penoh dan pepereksaan bersijil di-mana mata-pelajaran tersebut ada-lah sa-bagai satu mata-pelajaran, pada tahun lepas, akan di-adakan pada hari Khamis 3hb Julai, 1980 di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong.

Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz di-jadualkan akan menyampaikan hadiah2 kapada penuntut2 yang terpileh itu.

Sa-ramai 144 orang penuntut akan menerima hadiah2 dari projek yang di-selanggarakan asas-nya oleh Jawatankuasa Kechil Hadiah Murid2 Sekolah Ugama Perayaan Menyambut Kedatangan Tahun Hijrah 1400, yang di-Pengerusikan oleh Yang Berhormat P.O.K. Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd Jamil Al-Sufri itu.

Penuntut2 yang di-sebutkan nama2 mereka dalam senarai berikut ada-lah diminta supaya dapat hadhir ka-Dewan Sharahan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong jam 8.00 pagi. Bagi mereka tidak dapat untok hadhir pada waktu dan tarikh tersebut di-sebabkan masaalah2 yang tertentu adalah di-harapkan supaya ibu-bapa atau penjaga-nya dapat hadhir bagi pehak mereka.

Senarai penerima2 hadiah mata-pelajaran ugama sempena tahun 1400 Hijrah:

### SIJIL PELAJARAN UGAMA

**Pertama,** Dayang Jama'iah bte Haji Abd Manaf; **Kedua,** Awang Abd Aziz bin OKML Haji Yusof; **Ketiga,** Ak Bahrum bin Pg Bahar; **Saguhati,** Dayang Siti Zaleha bte Abu Salim, Dayang Tiamah bte Sirabaha dan Dayang Siti Azizah bte Musa.

Penuntut2 ini kesemua-nya dari Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah.

### SIJIL DARJAH VI SEKOLAH UGAMA RENDAH

Sa-banyak 10 buah sekolah telah menyertai perlawanan perengkat awal yang telah di-jalankan sejak bulan April lalu.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Leftenan Kolonel Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Kesuma Dato Abdullah, Pegawai Pemerentah Pusat Latehan Perkhemahan Bolkiah.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-RADIO DAN TALIVISHEN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen, Brunei.

1. PENYELIA ALEHSUARA :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Mempunyai latar belakang pelajaran yang baik sekurang2-nya ka-tingkatan G.C.E. Perengkat 'O' Faseh menulis dan bertutor dalam bahasa Inggeris, berkeupayaan berfikir dan bertindak dengan chepat dalam suasana tegang. Mempunyai 3 tahun pengalaman dalam penerbitan dan persembahan talivishen.

**Tugas2 :**
Bertanggong-jawab kapada Ketua Ranchangan dalam memileh, menterjemah dan mengaleh suara ranchangan2 luar negeri ka-Bahasa Melayu dan mengawasi dan mengelolakan dewan alehsuara bagi ranchangan2 terbitan tempatan. Bertanggong-jawab untok kerja2 menyediakan sarikata bagi ranchangan2 talivishen.

**Tangga Gaji :**
C. 3-4 EB. 5 — B$1479-1530-1581-1632 - 1683 - 1734 - 1785 - 1836-1887-1938/EB/1989-2040-2091-2142-2193.

2. PENOLONG ALEHSUARA :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Kelulusan pelajaran hingga ka-perengkat Tingkatan Lima. Lain2 kelayakan sama saperti Penyelia Alehsuara.

**Tugas2 :**
Menolong Penyelia Alehsuara dalam mengelolakan dan mengendalikan dewan alehsuara.

**Tangga Gaji :**
D.3-4 EB.5 — $625-657-689-720 - 752-784-854-880-905-931 - 956-982-1007/EB/1046 - 1071 - 1097-1122.

3. PENOLONG SARIKATA:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Kelulusan pelajaran sama saperti Penolong Alehsuara tetapi mesti-lah boleh menaip dengan baik dan chepat.

**Tugas2 :**
Menolong membuat sarikata ranchangan2, dan menjalankan alat perkakas sarikata.

**Tangga Gaji :**
D.3-4 EB.5 — $625-657-689-720 - 752-784-854-880-905-931 - 956-982-1007/EB/1046 - 1071 - 1097-1122.

4. PENOLONG SUSUNAN RANCHANGAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Mempunyai latarbelakang pelajaran yang baik, sa-baik2-nya menchapai Tingkatan 5 aliran Inggeris. Dapat menaip untok membolehkan-nya menjalankan "Aston generator". Berkeupayaan bekerja dengan chepat dan teliti dalam suasana tegang. Pengalaman dalam kerja2 persembahan talivishen merupakan satu kelebehan.

Bertanggong-jawab kapada Pengurus Persembahan dan Peranchangan dalam menyediakan jadual2 ranchangan2 harian dan juga menyediakan segala ma'alumat yang di-perlukan untok juruhebah2 yang bertugas, termasok mengatorkan waktu yang tepat.

**Tangga Gaji :**
D.3-4 EB.5 — $625-657-689-720 - 752-784-854-880-905-931 - 956-982-1007/EB/1046 - 1071 - 1097-1122.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Julai, 1980.

(E/241/80)
(Bil : 62/1980)

## TAWARAN BAGI MENGURUSKAN KANTIN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS, KUALA BELAIT

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di-Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang pada 21hb Julai 1980 kerana menguruskan Kantin Jabatan Kastam dan Eksais, Kuala Belait.

2. Tawaran2 mesti-lah menyatakan sewa bulanan kerana menggunakan Kantin Jabatan tersebut dan hendak-lah menjalankan kantin tersebut dengan memuaskan.

3. Pemborong yang berjaya mseti-lah membayar segala bayaran gas, ayer dan letrik yang di-gunakan.

4. Segala alat2 perkakas yang di-perlukan termasok peti sejok dan dapor hendak-lah di-sediakan oleh pemborong sendiri.

5. Tawaran ini akan berjalan bagi masa sa-lama dua tahun mulai dari tarikh perjanjian di-tanda tangani.

6. Tawaran mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat yang tertutop rapi dan di-alamatkan saperti perenggan 1 di-atas dan mesti-lah di-tulis dengan terang :

'KANTEEN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS KUALA BELAIT'

Deposit sa-banyak $300.00 hendak-lah di-sertakan bersama.

7. Mesti-lah tidak sebarang tanda di-luar sampul surat itu yang boleh mengenalkan nama pemborong dan tawaran2 yang di-tulis dengan tidak sempurna akan di-tolak. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh yang di-sebutkan di-atas juga akan di-tolak.

8. Kantin tersebut boleh di-lawat di-Bangunan Pejabat Kastam dan Eksais, Kuala Belait.

9. Kerajaan tidak akan terlibat untok menerima sebarang tawaran yang paling rendah atau mana2 tawaran.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 92 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st July, 1980 for :—

THE DEMOLITION OF 2 ALUMINIUM BUILDINGS Nos. PWD 879 AND 880 AT JALAN KUMBANG PASANG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 93 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registesed contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th July, 1980 for :—

GENERAL REPAIR AND REPAINTING TO MASJID BUILDINGS, FENCING AND CONSTRUCTION OF ADDITIONAL BUILDINGS ETC. AT THE MASJID SUFRI BOLKIAH, BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 94 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th July, 1980 for :—

RE-CONSTRUCTION OF R.C. FLOORS, ROADS AND DRAINS AT POLICE M.R.U. 'B' COMPOUND GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 95 OF 1980

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th July, 1980 for :—

IMPROVEMENTS TO EXISTING SEWERAGE SYSTEM AND CONSTRUCTION OF RETICULATION AND PROVISIONAL SEWER FOR FUTURE CONNECTION TO MAIN SEWER, AIRPORT POLICE COMPLEX BERAKAS, JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 96 OF 1980

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st July, 1980 for :—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI TWO (2) UNITS — BITUMEN KETTLE SPRAYER 250 TO 300 GALLONS CAPACITY, TRAILER MOUNTED.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 97 OF 1980

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st July, 1980 for :—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI TWO (2) UNITS — BITUMEN KETTLE SPRAYER 150 TO 160 GALLONS CAPACITY, TRAILER MOUNTED.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 98 OF 1980

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st July, 1980 for :—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI SIX (6) UNITS — TIPPER TRUCKS 6/7 TONS PAYLOAD.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICE

### SERIAL No: 22(CL)/1980

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Cable Laying Contractors, Class "A" up to 12.00 noon on 8th July, 1980 for :—

PROPOSED HIGH TENSION CABLE LAYING FROM LAMUNIN 66/11KV SUBSTATION TO LAYONG WATER WORKS COMPLEX LAMUNIN

Tender documents and all particulars may be seen at the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

Tender Deposit of $400.00 shall be in the form of a cheque, refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Tender orientation will be held on 21st June, 1980 11.00 a.m. at the Supt. Distribution Engineer's Office, Electrical Department, Bandar Seri Begawan Brunei.

## Di-Jabatan Pulis, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Polis, Brunei.

1. PENGAWAS AHLI PEMBENA KAPAL :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Diploma City and Guilds Institute for Shipwrights/Boat Carpenters atau kelulusan yang sebanding dengan-nya dan telah tamat latehan aperantis sa-lama 5 tahun dalam bidang ini serta mempunyai 5 tahun pengalaman lagi sa-sudah itu.

**Tugas2 :**
Melaksanakan tugas2 Shipwright/Boat Carpentry dan menyelia pekerja2 lain dalam tugas2 ini.

**Tangga Gaji :**
C. 1 EB. 2—B$944-982-1033/EB/1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. JURULETRIK LAUT TINGKAT I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Diploma City and Guilds Institute dalam bidang Kejuruteraan Letrik atau kelulusan yang sebanding dengan-nya dan telah tamat latehan aperantis sa-lama 5 tahun serta mempunyai 5 tahun pengalaman lagi sa-sudah itu.

**Tugas2 :**
Melaksanakan kerja2 letrik terhadap semua jenis kapal Polis Bahagian Laut dan menyelia pekerja2 lain dalam tugas2 ini.

**Tangga Gaji :**
C. 1 EB. 2—B$944-982-1033/EB/1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**
Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Julai, 1980.

(E/606/80)
(Bil : 71/1980)

## Di-Radio dan Talivishen

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen, Brunei.

1. PEGAWAI PERPUSTAKAAN KANAN (FILEM DAN PITA) :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa (aliran Inggeris) dan mempunyai pengalaman sekurang2-nya 3 tahun dalam tugas2 Perpustakaan Filem dan Pita. Mempunyai kebolehan menyusun serta mengendalikan sa-chara bersistem filem2 dan pita2 yang di-kumpol di-perpustakaan dan menyediakan filem2 dan pita2 tersebut untok pengguna2 perpustakaan.

**Tangga Gaji :**
Dalam sukatan gaji C. 1-2 EB. 3 — $944-982-1033-1071-1109 - 1148 - 1186 - 1224 - 1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683.

2. PEGAWAI PERPUSTAKAAN (FILEM DAN PITA) :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Chalon2 mesti-lah mempunyai Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa (aliran Inggeris atau Melayu) atau mempunyai pengalaman sekurang2-nya dua tahun dalam tugas2 Perpustakaan Filem dan Pita. Kebolehan mengator sistem yang mudah dalam membuat indeks dan katalog bagi filem2 dan pita2 ada-lah satu kelebehan.

**Tugas2 :**
Mengendalikan Perpustakaan Filem dan Pita dan membuat laporan tiap2 bulan mengenai keadaan filem2 dan pita yang ada dalam simpanan.

**Tangga Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5 — $625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

3. PEGAWAI RANCHANGAN TINGKAT III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

**Bahagian Inggeris :**
Sijil 'Am Pelajaran termasok bahasa Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

**Bahagian Melayu :**
Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

**Bahagian China :**
Sijil Rendah Pelajaran Brunei, atau yang sebanding dengan-nya, dan Senior Middle Three Chinese.

Satu ujian akan di-adakan untok menentukan kesesuaian chalon2 untok jawatan2 ini.

**Tangga Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB / 854-880-905-931-956-982 - 1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Julai, 1980.

(E/380/80)
(Bil : 42/1980)

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR THE MANAGEMENT OF THE CUSTOMS AND EXCISE DEPARTMENT'S CANTEEN AT KUALA BELAIT

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 4.00 pm on the 21st July 1980 for the management of the Customs and Excise Department Canteen, Kuala Belait.

2. Tenderers must quote the monthly rent for the canteen and must operate the canteen satisfactorily.

3. Payments for gas, water and electricity bills will be borne by the successful countractor.

4. The successful contractor will provide their own requirements — refrigerator, ovens etc.

5. The award is valid only for two years with effect from the signing of the agreement.

6. Tenders must be forwarded in a sealed envelope and addressed as in paragraph 1 above with the caption :

'ROYAL CUSTOMS AND EXCISE DEPARTMENT CANTEEN KUALA BELAIT'

Deposit of $300.00 must also be enclosed.

7. There should be no indication of the name of the tenderer on the outside of the envelope. Any tender that is improperly written will be rejected. Tenders received after the date mentioned above will also be rejected.

8. Interested parties may visit the canteen at the Customs Building Kuala Belait.

9. The Government is not committed to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED RADIO STUDIO RENOVATION AT RADIO TELEVISION BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'B' Contractors or above up to 12.00 noon, on 22nd July 1980.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED RADIO RENOVATION AT RADIO TELEVISION BRUNEI."

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Room 15, Hong Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, Brunei from 30th June 1980 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'B' Electrical Contractor or above.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PELAJARAN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

1. PEGAWAI PELAJARAN (KEJURUTERAAN) :

**Kelayakan2 perlu yang di-kehendaki :**

Ijazah Honours dalam bidang Kejuruteraan Jentera. Sijil atau Diploma Perguruan. Pengalaman indastri sa-baik2-nya dalam penyenggaraan loji/perkhidmatan jentera dan letrik. Pengalaman pentadbiran atau mengajar di-sa-sebuah maktab pendidekan lanjutan atau maktab teknoloji. Pengalaman meranchang dan mengelolakan makmal. Mengajar hingga ka-perengkat H.N.D.

**Had Umor :** 35-55.

**Tugas2 :**

Meranchang dan mengelolakan, dengan kerjasama kakitangan2 yang ada sekarang kursus2 G.G.L.I. perengkat biasa dan lanjutan dalam bidang Kejuruteraan Letrik dan Jentera. Meranchang serta melengkapkan makmal2 "mechanical and heat engines". Menyediakan ranchangan2 kerja. Mengajar penuntut2 Kursus Diploma dan lain2 kursus Kejuruteraan. Mata-pelajaran: Power Production, Mechanical Engineering Science, Mechanical Engineering, Engineering Drawing, Industrial Orientation.

**Tangga Gaji :**

B. 2 EB. 3 — B$1645-1709 - 1772-1836 - 1900 - 1964 - 2027 - 2104-2180 - 2257 - 2333 - 2410 - 2486-2563-2639-2716/EB/2792-2869-2945-3022. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEGAWAI PELAJARAN (BUSINESS STUDIES):

**Kelayakan2 perlu yang di-kehendaki :**

Ijabah Honours dalam Ilmu Economics atau Business Studies. Sijil atau Diploma Perguruan. Pengalaman Perniagaan. Pengalaman mengajar mata-pelajaran2 Business Studies hingga ka-perengkat H.N.D. di-sa-sebuah Maktab Pendidekan Lanjutan atau Maktab Teknikal. Mempunyai pengetahuan khusus dalam Quantitative Methods; Office Management, Communications dan Human Relations.

**Had Umor :** 30-50 tahun.

**Tugas2 :**

Membantu dalam mengembangkan kursus Business Studies dan lain2 kursus yang berkaitan. Mengajar penuntut2 kursus2 Business Studies perengkat ONC. Membuat tugas2 Curriculum Development dan lain2 tugas yang di-perlukan oleh Ketua Bahagian.

**Tangga Gaji :**

B. 2 EB. 3 — B$1645-1709 - 1772-1836 - 1900 - 1964 - 2027 - 2104-2180 - 2257 - 2333 - 2410 - 2486-2563-2639-2716/EB/2792-2869-2945-3022. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PEGAWAI PELAJARAN (TECHNICAL INGGERIS) :

**Kelayakan2 perlu yang di-kehendaki :**

Ijazah Honours daripada sa-sebuah universiti yang di-iktiraf. Diploma Pendidekan atau yang sebanding dengan-nya. Mempunyai kelengkapan P.G.E.C. dengan pengkhususan dalam mengajar bahasa Inggeris sa-bagai bahasa asing.

**Kelayakan2 selanjut-nya yang di-kehendaki, jika ada :**

Pengalaman mengajar E.F.L. atau E.S.P. dalam konteks teknikal atau indastri.

**Had Umor :** 30 ka-atas.

**Tugas2 :**

Mengajar penuntut2 sekolah teknikal yang sedang mengikuti kursus2 dari perengkat craft hingga ka-perengkat diploma.

**Tangga Gaji :**

B. 2 EB. 3 — B$1645-1709 - 1772-1836 - 1900 - 1964 - 2027 - 2104-2180 - 2257 - 2333 - 2410 - 2486-2563-2639-2716/EB/2792-2869-2945-3022. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PENGAJAR TEKNIKAL KANAN (PENGUKORAN) :

**Kelayakan2 perlu yang di-kehendaki :**

Menjadi ahli sekutu Royal Institute of Chartered Surveyors (UK) atau ahli Institute of Surveyors (Australia) atau ahli Institute of Surveyors (Malaysia) atau ahli Institute of Surveyors (New Zealand). Pengalaman mengajar di-sa-sebuah maktab pendidekan lanjutan atau maktab teknikal. Pengalaman indastri dalam bidang "Cadastral Surveying". Chara2 mengira dan membuat pelan berhubong dengan pendaftaran tanah mengikut sistem torrens.

**Had Umor :** 30 ka-atas.

**Tugas2 :**

Membuat dalam perkembangan kursus bagi kursus2 Juruteknik Ukor dengan menitekberatkan "Cadastral Surveying", chara2 mengira dan membuat pelan berhubong dengan pendaftaran tanah mengikut sistem torrens.

Lain2 tugas sa-bagaimana yang di-arahkan oleh Ketua Bahagian.

**Tangga Gaji :**

B.2—B$1645-1709-1772-1836-1900-1964 - 2027 - 2104 - 2180 - 2257-2333 - 2410 - 2486 - 2563 - 2639-2716. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

5. PENGAJAR TEKNIKAL KANAN (LETRIK) :

**Kelayakan2 perlu yang di-kehendaki :**

H.N.D. atau H.N.C. (Electrical) atau yang sebanding dengan-nya. Sijil atau Diploma Perguruan. Pengalaman indastri dan pengalaman di-sa-sebuah Maktab Pendidekan Lanjutan atau Maktab Teknoloji.

Mengajar hingga ka-perengkat O.N.D.

**Had Umor**

30 hingga 55 tahun.:

**Tugas2 :**

Membantu mengembangkan kursus2 Juruteknik Letrik dan mengajar penuntut2 yang telah di-daftarkan dalam kursus City and Guilds 823 Electrical Installation Practice.

**Tangga Gaji :**

B.2—B$1645-1709-1772-1836-1900-1964 - 2027 - 2104 - 2180 - 2257-2333 - 2410 - 2486 - 2563 - 2639-2716. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

6. PENGAJAR TEKNIKAL KANAN (TALIKOM) :

**Kelayakan2 perlu yang di-kehendaki :**

City and Guilds Full Technological Certificate in Telecommunications (Telegraphy and Telephony). Pengalaman di-bidang indastri talikom serta pengalaman mengajar.

**Kelayakan2 selanjut-nya yang di-kehendaki, jika ada :**

Sijil atau Diploma Perguruan.

**Had Umor**

30 hingga 55 tahun.:

**Tugas2 :**

Mengajar Elementary Telecommunications Practice, Ilmu Hisab, Sains Kejuruteraan, Telephony dan Telegraphy kapada penuntut2 yang mengikuti Kursus Juruteknik Talikom sambil bekerja. Pengajar2 di-kehendaki mengambil bahagian dalam kegiatan2 luar darjah di-sekolah mereka.

**Tangga Gaji :**

B.2—B$1645-1709-1772-1836-1900-1964 - 2027 - 2104 - 2180 - 2257-2333 - 2410 - 2486 - 2563 - 2639-2716. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

7. PENGAJAR TEKNIKAL KANAN (PERTUKANGAN PAIP) :

**Kelayakan2 perlu yang di-kehendaki :**

Sijil Craft Lanjutan dalam pertukangan paip atau Sijil Juruteknik Pertukangan Paip. Full Technological Certificate. Pengalaman di-bidang indastri atau pengalaman mengajar salama 10 tahun.

**Kelayakan2 selanjut-nya yang di-kehendaki, jika ada :**

O.N.C. atau H.N.C.
Sijil Guru Terlateh.

**Had Umor :** 30-55 tahun.

**Tugas2 :**

Mengajar pertukangan paip sa-chara praktikal dan teori kapada penuntut2 yang mengikuti kursus City and Guilds 832 Plumbing dan kursus Praktikal. Pengajar2 di-kehendaki mengambil bahagian dalam kegiatan luar darjah di-sekolah mereka.

**Tangga Gaji :**

B.2—B$1645-1709-1772-1836-1900-1964 - 2027 - 2104 - 2180 - 2257-2333 - 2410 - 2486 - 2563 - 2639-2716. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

8. PENOLONG PENGAJAR TEKNIKAL (JENTERA):

**Kelayakan2 :**

Sijil Craft Lanjutan, atau yang sebanding dengan-nya, dan Sijil Guru Terlateh atau pengalaman di-bidang indastri atau pengalaman mengajar salama 10 tahun.

**Tugas2 :**

Mengajar "Fitting and Machining" dan "Mechanical Craft Theory" kapada penuntut2 yang mengikuti kursus asas craft.

**Umor :** 25-55 tahun.

**Tangga Gaji :**

T. 7 — B$746-778-810-880 - 905-931 - 956-982 - 1007 - 1033-1071-1097-1135/EB/1173-1211-1250-1301 - 1352 - 1377 - 1403 - 1428-1454-1479.

9. GURU2 :

a) Mata-pelajaran Perdagangan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Ijazah Perdagangan atau Ekonomi, Sijil atau Diploma Perguruan. Pengalaman mengajar di-sa-sebuah Maktab Teknikal, Pengalaman Perniagaan.

**Umor :** 30-55 tahun.

**Tangga Gaji :**

T. 8 — B$931-956-982-1007-1033-1071 - 1097 - 1135 - 1173 - 1211-1250-1301-1352/EB/1403-1454-1505 - 1556 - 1607 - 1658 - 1709-1760-1811-1862.

b) Mengajar mata-pelajaran2 yang berikut kapada penuntut2 kursus vokeshenal (Prenursing, Juruteknik Makmal, Merinyu Kesihatan Rendah) dan membantu dalam mengembangkan kursus2 yang berasaskan sains.
   i) Ilmu Hayat
   ii) Kimia
   iii) Ilmu Hisab
   iv) Mengajar bahasa Inggeris untok Tujuan2 khas kapada penuntut2 kursus vokeshenal dan menyediakan mereka untok pepereksaan Kursus 847 City and Guilds London Institute.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

i), ii) dan iii) Ijazah 'Am.
iv) Ijazah 'Am dan Kelayakan T.E.F.L. atau E.S.P.

Semua pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman mengajar di-maktab teknikal atau sekolah vokeshenal

**Umor :** 25-50 tahun.

**Tangga Gaji :**

T. 9 — B$1135-1173 - 1211 - 1250-1301 - 1352 - 1403 - 1454 - 1505-1556-1670/EB/1760-1811-1862-1913 - 1964 - 2015 - 2091 - 2142-2193-2219.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Ogos, 1980.

(E/257/80)
(Bil : 76/1980)

## Di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. KETUA JURURAWAT KESIHATAN SEKOLAH.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil2 S.R.N., S.C.M. dan H.V.C.

Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan M.C.H. bahagian luar.

Pengalaman dalam kerja2 kesihatan ka-Sekolah2 merupakan suatu kelebehan.

**Tugas2 :**

Menjalankan, menyelia dan menyelaraskan kegiatan2 kesihatan ka-sekolah2 di-sesuatu daerah.

Bekerjasama dengan rapat dengan Pegawai Kesihatan Sekolah2.

**'Am :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

M. 11 — B$1390-1454-1517 - 1581-1670 - 1734 - 1798 - 1862 - 1925-1989/EB/2053-2117-2180-2244-2308.

2. JURURAWAT KESIHATAN SEKOLAH :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mesti-lah mempunyai Sijil S.R.N. atau yang sebanding dengan-nya.
b) Pengalaman dalam Kerja2 Kesihatan ka-Sekolah2 merupakan suatu kelebehan.
c) Pengetahuan Bahasa Melayu merupakan suatu kelebehan.

**Tugas2 :**

Melaksanakan ujian2 "routine" dan lain2 tugas mengikut arahan Pegawai Kesihatan Sekolah2.

**'Am :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

M. 4 EB. 5 — B$650-682-714-746-778-810 /EB/ 880-905-931-956-982-1007-1033. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Julai, 1980.

(E/431/80)
(Bil : 72/1980)

## Sa-bagai Pemandu Tingkatan II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi Jawatan kosong sa-bagai Pemandu Tingkat II di-Jabatan 'Adat Istiadat Negara, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 dan 40 tahun dan boleh menulis dan membacha dalam bahasa Melayu.
b) Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lisen memandu dalam kelas tiga dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kechil.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki memandu kenderaan Jabatan dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang berkhidmat di-Jabatan 'Adat Istiadat Negara, Brunei.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408/EB/414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Julai, 1980.

(E/49/73)
Bil. : 70/1980)

## EDUCATION DEPARTMENT
## TECHNICAL EDUCATION

APPLICATIONS are invited from subjects of His Highness the Sultan for enrolment in the following full-time course at Pusat Latehan Teknikal Brunei, Jalan Muara. The courses will commence in August 1980.

**Construction Technician Course**

Duration : 1 year (Sandwich Course).

Subjects Studied : Science.
Measurements and Calculations.
Construction Drawing.
Construction Materials.
Construction Principles and Proccesses.

Minimum Entrance Requirements :
1. Completion of Form 5 with Mathematics and Science Studied to Form 5 standard. Reasonable fluency in English.

OR

2. Suitable alternative academic qualifications together with acceptable experience in the Building Industry.

This is the first part of a 4-year course. During the course students are expected to spend periods obtaining work experience in the Building Industry.

**Clerical Course**

Duration : 1 year.

Subjects Studied : Typewriting.
Office Practice.
English.

Minimum Entrance Requirements : Completion of Form 5. Reasonable fluency in English.

**Vehicle Body Repair Course**

Duration : 1 year.

Subjects Studied : Vehicle Body Repair Theory.
Workshop Practice.
Welding Theory.
Welding Practice.
Drawing.
Mathematics.

Minimum Entrance Requirements : Completion of Form 3. Reasonable fluency in English.

**Land Surveying**

Duration : 1 year.

Subjects Studied : Surveying Theory.
Surveying Practice.
Surveying Computations.
Mathematics.
Physics.
General Studies — (Geography, Geology, Construction).

Minimum Entrance Requirements :
1. Completion of Form 5 with passes in 'O' Level Maths. or Science. Reasonable fluency in English.
2. Suitable alternative academic qualifications together with acceptable experience in Land Surveying.

Students may be expected to spend time during the course obtaining work experience in Land Surveying.

Selection of students will be by means of a test and interview.

Application forms are obtainable from the Principal, Pusat Latehan Teknikal Brunei, Jalan Muara, P. O. Box 914, Bandar Seri Begawan, from the Principals of Secondary Schools, or from the Education Department Head Office, Bandar Seri Begawan.

All applications must be submitted to the Principal, Pusat Latehan Teknikal Brunei by Thursday, 26th June 1980.

# 11 ORANG BERTANDING DLM PERADUAN KOR'AN PERENGKAT NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah Ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin di-jangka akan merasmikan Pertandingan Membacha Al-Kor'an perengkat sa-negeri yang akan di-adakan pada 4hb Julai depan bertempat di-kawasan tanah lapang berhadapan Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin di-ibu negeri di-sini.

Pertandingan yang akan di-adakan sa-lama dua malam berturut-turut itu akan di-sertai oleh sa-ramai 11 orang qari dan qariah seluroh negeri.

Peserta2 tersebut ada-lah terdiri dari johan kedua2 bahagian (dan naib johan hanya bagi peserta wakil Daerah Brunei dan Muara) dan sa-orang johan menanti, Dayang Hajjah Masni bte Haji Abdi Manaf.

Dari Daerah Brunei dan Muara johan dan naib johan yang terpileh ka-perengkat negeri ia-lah Awang Haji Mohd Yusof bin Haji Abu Bakar, Awang Johari bin Penyurat Haji Omar, Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris dan Dayang Azizah bte Haji Salleh.

Manakala Daerah Tutong pula akan di-wakili oleh Awg Alikhan bin Ismail dan Dayang Hajjah Buntar bte Haji Besar. Daerah Belait johan daerah yang akan mewakili ia-lah Awang Nordin bin Haji Arshad dan Dayang Maimunah bte Haji Othman sementara Daerah Temburong akan di-wakili oleh Awang Suhaili bin Abdul Latif dan Dayang Jauyah bte Karim.

Pertandingan pada malam itu nanti akan di-serikan dengan persembahan bachaan Al-Kor'an oleh Awang Metassim bin Haji Metussin, perarakan tanglong; persembahan nashid dan hadzrah.

Pertandingan tersebut akan di-siarkan sa-chara langsong melalui radio dan talivishen Brunei.

Dari muka 1

dengan penat lelah sa-hingga ini dan bangunkan-lah daripada yang ada. Anak2 kita, chuchu2 kita dan seterus-nya generasi2 kita harus-lah hidup lebeh baik dari kita dan lebeh bertamaddun", ujar beliau dengan penoh harapan.

"Raayat Brunei yang di-ambang 1983 sudah barang tentu di-kenal dan di-galati manusia sa-rantau. Insha Allah dengan berkat pimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kegiatan2 lain di-negeri ini akan terlihat sa-bagai hari yang dapat di-banggakan", tambah beliau lagi.

Mengenai perkembangan seni-lukis, beliau berkata, pameran sa-umpama itu boleh di-adakan di-luar negeri pada menarek minat orang2 luar negeri untok berkunjong ka-Brunei kerana kita sedia ada dengan karya2 seni-lukis dan pertukangan tangan orang2 Melayu yang tinggi dan menjangkau nilai2 antarabangsa untok di-pasarkan.

## Keputusan Peraduan Seni Lukis dan Pertukangan Tangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hampir 400 buah hasil kerja-tangan dan lukisan dari murid2 dan penuntut2 sekolah rendah, persediaan Inggeris dan menengah serta maktab2 seluroh negeri telah di-pamerkan dalam peraduan Seni Lukis dan Pertukangan Tangan Perengkat Negeri.

Pameran yang di-adakan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah di-rasmikan oleh Awang Mohd Alimin bin Haji Abdul Wahab, Ketua Yunit Latehan Perjawatan pada hari Sabtu 21hb Jun yang baru lalu dan beliau juga seterus-nya menyampaikan hadiah2 kapada pemenang dalam peraduan itu.

Pameran kali yang ke-15 anjoran Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran itu ada-lah merupakan salah satu achara bagi menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan kali yang ke-34 tahun.

Dalam pameran lukisan dan kerja-tangan bahagian sekolah2 menengah atas dan maktab2, tempat pertama telah di-sandang oleh Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, kedua di-menangi oleh Sekolah Inggeris Berakas dan tempat ketiga jatoh kapada Maktab Anthony Abell, Seria.

Sementara bagi sekolah2 menengah bawah pula, johan jatoh kapada Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong, kedua Sekolah Inggeris Berakas dan tempat ketiga di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakam Bunut.

Sekolah Persediaan Inggeris, Kuala Belait telah munchol sa-bagai johan bagi sekolah2 persediaan Inggeris sa-negeri dan naib johan ia-lah Sekolah Persediaan Inggeris, Tutong dan tempat ketiga di-sandang oleh Sekolah Persediaan Inggeris Brunei I.

Manakala dalam bahagian sekolah2 rendah Melayu pula, tempat pertama telah di-menangi oleh Sekolah2 Rendah Melayu Daerah Temburong, tempat kedua di-menangi oleh Sekolah Rendah Melayu Daerah Brunei II dan ketiga jatoh kapada Sekolah2 Rendah Melayu Daerah Brunei III.

Pameran tersebut terbuka kapada kunjongan orang ramai sa-hingga 27hb Jun 1980.



S.M. Melayu Muda Hashim, Tutong telah berjaya mendapat tempat pertama dalam bahagian Sekolah2 Menengah Bawah. Gambar atas wakil sekolah itu menerima Oskar Kejohanan yang di-sampaikan oleh Awang Mohd. Alimin.



AWANG Selamat Munap menyampaikan derma kewangan Sharikat Kedai Kerjasama PESAKA untok masjid Kampong Keriam yang di-terima oleh Imam Masjid tersebut, Awang Ahmad bin Jumat.

## Sharikat orang2 Melayu bertambah

Dari muka 1

perpaduan, tolong menolong dan penyelerasan di-antara peniaga2 Melayu di-negeri ini ada-lah tidak memuaskan jika di-bandingkan dengan perpaduan dan penyelerasan di-kalangan bangsa2 asing.

Ini, kata-nya lagi, jauh berbeza sekali dari sifat2 tradisi orang2 Melayu Brunei yang suka memuchang-muchang yang mana sampai sekarang nyata terbokti di-dalam kegiatan2 dan upachara2 yang tertentu saperti majlis perkahwinan dan lain2-nya.

Mengapa hanya dari segi perniagaan sahaja sifat memuchang-muchang itu berkurangan di-kalangan peniaga2 Melayu di-negeri ini? tanya Awang Selamat.

"Tetapi saya perchaya bahawa orang2 Melayu ada-lah semakin sedar tentang kelemahan2 saperti ini di-kalangan mereka walau pun kesedaran ini merupakan agak rendah di-kalangan peniaga2 persa-orangan Melayu namun ia-nya semakin berpengaroh di-kalangan mereka yang yakin mereka tiada pilehan lain tetapi memuchang-muchang bagi membaiki nasib hadapan mereka", kata-nya.

Menurut-nya lagi, saperti yang kita lihat sekarang bilangan sharikat kerjasama orang2 Melayu di-negeri ini ada-lah semakin bertambah dan kegiatan mereka juga semakin meluas. Walau pun ia-nya tidak memberi kekayaan yang lumayan kapada ahli2-nya, tetapi sekurang2-nya boleh menambah penyertaan orang2 Melayu di-bidang ekonomi di-samping memperbaiki taraf hidup ahli2-nya.

Terdahulu dari itu, Awg Selamat menjelaskan bahawa orang2 kita Melayu ada-lah berkurangan dalam bidang perniagaan iaitu dari aspek2 teknikal, kewangan dan pengurusan di-samping di-dorong oleh kemahuan dan chita2 yang besar untok menjadi sa-orang 'tycoon' atau 'millionaire'.

Menyentoh mengenai dengan konteks 'melihat muka' dalam bidang perniagaan, beliau berkata bahawa soal tersebut tidak dapat di-asingkan daripada dunia perniagaan dan kita harus-lah menerima sa-bagai kenyataan yang mana objektif-nya boleh memberangsang orang2 kita Melayu maju ka-hadapan dalam usaha2 perniagaan di-masa2 akan datang.

Soal-nya apa-kah kita orang2 Melayu boleh usahakan pada mengatasi masaalah sikap 'melihat muka' itu yang pada hakikat-nya ada-lah adat dunia perniagaan? tanya beliau.

Walau bagaimana pun, kata-nya lagi, jika kita berusaha dengan baik di-samping di-bantu oleh sharikat kerjasama dalam melipat-gandakan keupayaan yang sedia ada masa-alah 'melihat muka' boleh di-terima sa-bagai chabaran dan bukan rintangan kemajuan perniagaan orang2 Melayu kita.

## Tambang k-terbang naik

BANDAR SERI BEGAWAN. —Tambang penerbangan antara Brunei dengan Singapura, Manila dan Bangkok di-naikkan mulai 1hb Julai, 1980 ini.

Menurut kenyataan Sharikat Penerbangan Diraja Brunei, tiket2 yang di-keluarkan sa-lepas 20hb Jun bagi penerbangan pada atau sa-lepas 1hb Julai akan di-kenakan dengan harga baru.

Bagaimana pun, sa-orang juruchakap RBA menyatakan bahawa penumpang2 yang memegang tiket2 dan tempahan yang telah di-sahkan sa-belum atau pada 20hb Jun boleh menggunakan tiket dengan harga lama sa-hingga dan termasok 10hb Julai.

Tambang baru antara Brunei dan Singapura ia-lah $378.00 bagi kelas pertama, penerbangan sa-hala; $280 bagi kelas ekonomi sa-hala; $448 bagi sa-minggu hingga 30 hari pergi-balek dan $336 bagi penerbangan hujong minggu pergi-balek.

Tambang antara Brunei dan Manila sekarang ia-lah $564.00 bagi kelas pertama, penerbangan sa-hala; $648.00 untok penerbangan pergi-balek 30 hari dan tambang penerbangan pergi-balek empat hari ia-lah $472.00.

Tambang baru antara Brunei dan Bangkok ia-lah $700.00 kelas pertama; $492.00 kelas ekonomi bagi penerbangan sa-hala dan $636.00 bagi penerbangan pergi-balek empat hingga 20 hari.

## Pemenang2 Peraduan Tarian Asli

Dari muka 1

Di-mana, menurut Awg Haji Ahmad, penyibaran Tarian Asli Brunei sa-chara tidak langsong akan dapat memperkenalkan kembali warithan sejarah kebudayaan dan peribadi bangsa kita yang terkenal mempunyai 'value' yang amat tinggi itu.

Peraduan kali yang ke-empat yang di-anjorkan oleh Bahagian Kesenian, Jabatan Pelajaran itu telah di-bahagikan kapada dua bahagian iaitu bahagian sekolah2 rendah Melayu yang di-sertai oleh tujoh pasokan dan Bahagian sekolah2 Persediaan Inggeris yang di-sertai oleh sembilan pasokan.

Dalam bahagian sekolah rendah Melayu, johan telah di-sandang oleh Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil 'B' dengan 73.5 peratus, kedua ia-lah Sekolah Melayu Datu Ahmad dengan 72.14 peratus dan tempat ketiga telah di-sandang oleh Sekolah Melayu Amar Pahlawan Brunei II dengan markah 67.00 peratus.

Sementara dalam bahagian Sekolah2 Persediaan Inggeris, tempat pertama telah jatoh kapada Sekolah Rendah Haji Tarif dengan mendapat markah 82.14 peratus; kedua Sekolah Rendah Dato Godam dengan 73.00 peratus dan ketiga ia-lah SPI Serasa dengan markah 72.5 peratus.

Johan kedua2 bahagian dalam peraduan itu menerima wang tunai $300 sementara naib johan menerima $250 dan tempat ketiga menerima $200.

Hadiah2 kapada pemenang telah di-sampaikan oleh Awg Hamid bin Ismail, Pegawai Pentadbir Kanan, Jabatan Pelajaran.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.